

27/05/2002

Ketua Pemuda MCA akan minta campur tangan PM selesai isu CC

MUAR, Ahad - Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat mahu menemui dan meminta campur tangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyelesaikan isu penggantungan Jawatankuasa Pusat (CC) Pemuda MCA.

Beliau berkata, langkah itu diambil berikutan kegagalan dan ketiadaan sebarang usaha oleh kepimpinan parti menyelesaikan isu itu.

Katanya, penggantungan CC Pemuda itu hanya merugikan Barisan Nasional (BN), terutama menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Masalah politik yang dihadapi Pemuda MCA berterusan berikutan penggantungan CC Pemuda. Sebagai ketua pemuda, saya terus dipinggirkan termasuk dalam jawatankuasa melaksanakan pelan damai.

"Masalah politik ini masih berterusan berikutan dua gejala yang dihadapi ketika ini iaitu keengganan satu pihak untuk berunding serta tidak ikhlas.

"Malah ketika ini, ada pihak atau anasir yang suka memporak-perandakan keadaan dengan menyebarkan khabar angin serta dakwaan palsu dengan matlamat tertentu," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kejohanan Petanque Remaja Peringkat Kebangsaan di Stadium Muar, pagi ini.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Parit Bakar, Mohd Ismail Mohd Shah dan Setiausaha Majlis Perbandaran Muar (MPM), Abd Wahab Ridzuan.

Ong berkata, penggantungan CC Pemuda MCA perlu ditarik balik segera kerana sejak awal lagi, ia memberi kesan negatif kepada parti dan BN.

"Kami bukan mahu kuasa untuk kepentingan diri tetapi mengambil iktibar isu yang dihadapi ketika pilihan raya apabila pemimpin Pemuda MCA Pusat tersekat ketika berkempen bagi BN pada pilihan raya kecil.

"Penggantungan tugas ini dijadikan isu oleh pembangkang ketika kami hendak bantu kempen BN. Dalam menghadapi pilihan raya kecil atau umum, kita mesti mengurangkan isu bagi mengelak masalah.

"Kami rasa pelik kerana isu penggantungan pemuda tidak dijadikan sebahagian pelan damai kerana ia wajar ditangani bersama. Bila cakup selesai, kita wajar selesaikan semua masalah," katanya.

Ong berkata, pertemuan dengan Dr Mahathir bagi mendapatkan bantuan menyelesaikan masalah itu kerana ia juga membabitkan kepentingan BN.

"Campur tangan Dr Mahathir penting kemelut MCA bukan setakat merugikan MCA tetapi menjejaskan politik negara dan BN.

"Dalam era kita menempuh cabaran globalisasi, kita tidak boleh bertarung sesama sendiri, sebaliknya bersatu padu, supaya tidak menang sorak, tetapi tergadai kampung," katanya.

(END)